

**SOALAN NO: 346**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
KAWASAN : PASIR MAS**

**SOALAN:**

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan standard kualiti pembinaan jalan raya di negara ini dan SOP bagi menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan jalan raya seperti pemasangan paip air dan kabel elektrik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, standard kualiti pembinaan jalan di Malaysia adalah berdasarkan kepada spesifikasi pembinaan yang terkini berdasarkan amalan terbaik kejuruteraan yang digunapakai oleh JKR. Bagi pelaksanaan pemasangan paip air dan kabel elektrik di kawasan rezab jalan, pihak agensi utiliti berkenaan perlu memohon kelulusan daripada JKR berdasarkan *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Pihak agensi utiliti juga perlu menyediakan wang cagaran yang boleh digunakan oleh JKR sekiranya pihak agensi utiliti gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.